

10 kali banjir kilat dalam tempoh dua bulan

PERMATANG PAUH 15 Jan. - Selepas hampir 10 kali dilanda banjir kilat dalam tempoh kira-kira dua bulan, penduduk Kampung Tanah Liat, Penanti di sini, tidak mampu lagi bersabar.

Masalah banjir kilat itu semakin teruk kebelakangan ini menyebabkan penduduk kampung berkenaan hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan lebat meskipun dalam tempoh hanya sejam.

Bagi penduduk, Mohd. Taib Zainon, 51, masalah banjir kilat menjadi semakin serius sejak dua tahun lalu iaitu selepas pembinaan sebuah kilang zink haram berdekatan jalan ke kampung berkenaan.

Menurutnya, dia difahamkan kilang itu tidak mempunyai permit dan dibina terlalu hampir dengan longkang dan rumah penduduk menyebabkan aliran air terhalang.

“Sungai Permatang Rawa yang mengalir dalam kampung ini sudah sempit manakala longkang di sini juga sering tersumbat kerana sampah sarap dibuang ke dalam sungai dan dibawa arus ke sini.

“Akibatnya, kami yang menjadi mangsa banjir setiap kali hujan lebat,” katanya.

Pekerja kedai makan itu mendakwa, penduduk juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membina tembok di sekeliling rumah bagi menghalang limpahan air disebabkan tiada inisiatif pihak berwajib membantu menyelesaikan masalah mereka.

Namun, katanya, usaha itu tidak dapat menyelesaikan masalah kerana tembok yang dibina gagal menghalang aliran air sungai dan longkang



KAWASAN tanah runtuh yang meresahkan penduduk setiap kali hujan lebat akan menimbus jalan raya dari Berapit ke Butterworth berhampiran Kampung Sungai Lembu, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

yang deras yang melimpah ke rumah penduduk.

“Malah, hujan lebat juga menyebabkan tembok yang dibina pecah kerana air yang melimpah itu turut membawa banjir lumpur dari atas bukit,” katanya.

Tambah Mohd. Taib, penduduk di situ tiada pilihan dan terpaksa berhadapan dengan masalah tersebut kerana tinggal di rumah sendiri selain mewarisi tanah warisan keluarga.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, masalah banjir kilat dan berlumpur turut berisiko

berlaku di Kampung Sungai Lembu di sini, berikutan aktiviti penggondolan bukit.

Malah, aktiviti itu juga menyebabkan berlakunya bencana tanah runtuh yang menimbus jalan raya dari Berapit ke Butterworth.

Menurut petugas pusat wakil rakyat Penanti yang enggan dikenali, masalah itu dikenal pasti berpunca daripada tindakan pemilik tanah di atas kawasan bukit membersihkan kawasan untuk aktiviti pertanian.

Ujarnya, walaupun aduan telah dibuat kepada Majlis Perbandaran

Seberang Perai Selatan (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) beberapa kali, tidak ada sebarang maklum balas diterima sehingga kini.

“Apa yang kami harapkan pihak berwajib bertegas dengan meletakkan syarat kepada pemilik tanah supaya menguruskan kawasannya dengan baik.

“Ini sangat penting kerana jika hujan lebat, aktiviti penggondolan bukit itu menyebabkan risiko tanah runtuh dan kejadian itu pernah berlaku baru-baru ini sehingga membahayakan nyawa penduduk dan pengguna jalan raya,” katanya.